



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

## **UCAPAN**

**YB. DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

## **SEMPENA**

**PROGRAM POCKET TALK USAHAWAN**

**20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)**

**4.30 PETANG**

**DEWAN SMK SEBUYAU, SARAWAK**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Keluarga Bahagia.

**<SALUTASI>**

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama pada hari yang berbahagia ini bersempena dengan Program *Pocket Talk* Usahawan.
2. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang berada di Daerah Sebuyau ini kerana sentiasa menyokong usaha dan program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

## **PROGRAM POCKET TALK USAHAWAN**

*Para hadirin sekalian,*

3. Program *Pocket Talk* Usahawan ini diadakan bagi memberi penerangan dan penjelasan mengenai syarat-syarat, kelayakan dan prosedur permohonan kepada pensijilan Halal Produk, peluang perniagaan dan bimbingan daripada agensi MARA serta pendedahan berkenaan Pindaan Rang Undang-undang Akta Keganasan Rumah Tangga.

4. KPWKM amat serius dalam memastikan wanita sentiasa berada dalam keadaan terbela serta memiliki jati diri dan boleh berdikari sendiri tanpa bergantung hidup pada orang lain.
5. Oleh itu, program keusahawanan ini merupakan salah satu inisiatif kementerian untuk melahirkan wanita-wanita yang produktif dan inovatif. Perkara ini sangat penting untuk memastikan wanita dapat meneruskan kelangsungan hidup sekiranya sesuatu perkara negatif atau yang tidak diingini berlaku.

### **Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI)**

*Para hadirin sekalian,*

6. Melalui program pemerksaan ekonomi di bawah Jabatan Pembangunan Wanita iaitu Development of Women Entrepreneurs Initiative (DeWI) yang mana sebelum ini dikenali dengan I-Kit dan I-Keunita, ianya telah berjaya melatih dan membimbing wanita memulakan perniagaan bagi menjana pendapatan untuk menyara keluarga.
7. Program DeWI menggunakan konsep inkubator atau *hand holding* (latih dan bimbing) di mana peserta akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.

8. Sehingga Jun 2017, bilangan program bagi pelaksanaan program DEWI pula adalah sebanyak 18 program dan jumlah peserta telah meningkat dari tahun 2016 seramai 212 orang peserta hingga ke Jun 2017 adalah seramai 349 orang peserta.
9. Taklimat keusahawanan pada hari ini juga difahamkan sebagai inisiatif lain pihak Jabatan Pembangunan Wanita dan kementerian dengan kerjasama agensi MARA serta Jabatan Agama Islam Sarawak untuk mempersiapkan wanita bagi menceburi bidang perniagaan sama ada perindustrian kecil atau komersil.
10. Di samping itu, pengguna masa kini amat sensitif dan menitik beratkan penggunaan barangan atau produk Halal.
11. Oleh itu, pihak jabatan mengadakan taklimat berkaitan pensijilan Halal Produk ini untuk memberi peluang lebih luas kepada golongan usahawan wanita untuk memasarkan produk barangan mereka dengan skala yang lebih besar sehingga mampu dibawa ke pasaran antarabangsa.

## **Rang Undang-Undang Akta Keganasan Rumah Tangga**

*Para hadirin sekalian,*

12. Selain itu, program hari ini turut disertakan dengan taklimat ringkas berkenaan Pindaan Rang Undang-undang Akta

Keganasan Rumah Tangga yang bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya golongan wanita berkaitan keganasan rumah tangga dan hak-hak wanita.

13. Melihat kepada peningkatan kes keganasan terhadap wanita terutamanya keganasan rumah tangga pada masa kini, pindaan kepada Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 telah dibuat bertujuan untuk mempertingkatkan perlindungan kepada mangsa dan membantu memulihkan institusi kekeluargaan.
14. Terdapat lima (5) perkara utama yang diberikan perhatian dalam pindaan akta ini:
  - i. **Memperluaskan tafsiran Keganasan Rumah Tangga** iaitu mangsa boleh membolehkan mangsa mendapatkan perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO)
  - ii. **Perintah Perlindungan Kecemasan (*Emergency Protection Order EPO*)** iaitu perintah perlindungan sementara (*ex-parte*) yang boleh diperolehi dengan segera daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang diberikuasa sekiranya mangsa dalam keadaan ketakutan dcederakan secara fizikal atau mangsa dcederakan secara fizikal
  - iii. **Pemberian hak penghunian eksklusif kediaman bersama kepada mangsa** bagi memberi perlindungan terhadap keselamatan diri mangsa semasa dalam perintah perlindungan interim (IPO) dan perintah perlindungan (PO)

- iv. **Memperkenalkan Program Pemulihan** di bawah kelolaan KPWKM yang bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan
  - v. **Penambahbaikan perintah IPO dan PO** dalam aspek pemakluman status kepada mangsa bertujuan untuk menjamin prosedur kerja yang lebih telus dan cekap disamping memberi perlindungan yang lebih baik kepada mangsa sama ada di bawah IPO atau PO.
15. Merujuk kepada statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula pada tahun 2014 sehingga Disember 2016, sebanyak 15,617 kes keganasan rumah tangga telah dilaporkan.
16. Masalah utama keganasan rumah tangga ini berlaku kerana masing-masing tidak ambil peduli dan tidak memberi komitmen dalam sesuatu perhubungan. Isu keganasan ini dipandang ringan oleh masyarakat dan dianggap isu yang remeh serta tidak perlu diperbesarkan.

## **HARAPAN**

*Para hadirin sekalian,*

17. Saya berharap agar isu keganasan ini tidak dipandang ringan oleh masyarakat dan wanita harus berani bersuara dalam perkara ini.

18. Bukan itu sahaja, saya juga berharap agar penganjuran *Pocket Talk* Usahawan ini dapat membuka demensi baru bagi kehidupan para wanita.
  
19. Saya juga menyeru kepada semua hadirin yang hadir ke program ini agar dapat menyebarkan maklumat dan ilmu yang diperolehi pada hari ini kepada rakan serta keluarga yang tidak dapat bersama dengan kita semua pada hari ini, akan semuanya dapat menerima manfaat daripada penganjuran program ini.

## **PENUTUP**

20. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jabatan Pembangunan Wanita dan semua agensi yang terlibat di Daerah Sebuyau ini kerana telah bekerja keras untuk menganjurkan program yang sangat bermanfaat bagi memperkasakan ekonomi wanita secara berterusan.
  
21. Tidak lupa juga syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak **Pejabat Daerah Kecil Sebuyau** dan semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung atas usaha gigih dan niat murni mereka dalam menjayakan program ini.

**Sekian. Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**